



11 Oktober 2013
11 October 2013
P.U. (A) 312

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KELULUSAN GALAKAN DAN KADAR TARIF GALAKAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2013

RENEWABLE ENERGY (FEED-IN APPROVAL AND FEED-IN TARIFF RATE) (AMENDMENT) (NO. 2) RULES 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA TENAGA BOLEH BAHARU 2011

KAEDAH-KAEDAH TENAGA BOLEH BAHARU (KELULUSAN GALAKAN DAN
KADAR TARIF GALAKAN) (PINDAAN) (NO. 2) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 61(a) Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725], Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Malaysia membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) (Pindaan) (No. 2) 2013**.

(2) Kaedah-Kaedah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 28 Mac 2013.

Pindaan kaedah 19

2. Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 [P.U. (A) 385/2011], yang disebut “Kaedah-Kaedah ibu” dalam Kaedah-Kaedah ini, dipinda dalam subkaedah 19(6) dengan memotong perkataan “dan membayar fi yang ditetapkan dalam Jadual Kedua,”.

Penggantian Jadual Kedua

3. Kaedah-Kaedah ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

(Subkaedah 4(1), 4A(3), 13A(2), 16(2), 18(1), dan kaedah 24)

FI

<i>Butir</i>	<i>Jenis Fi</i>	<i>Jumlah fi (RM)</i>
1.	Borang permohonan bagi kelulusan galakan— (a) dalam bentuk fizikal	10.00 bagi setiap borang

<i>Butir</i>	<i>Jenis Fi</i>	<i>Jumlah fi (RM)</i>
	<i>(b)</i> melalui perantara elektronik atau secara penghantaran elektronik	Tiada
2.	Fi permohonan bagi kelulusan galakan	10.00 bagi setiap kilowatt kapasiti terpasang (tertakluk kepada fi minimum RM100.00)
3.	Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh penjana yang layak yang merupakan seorang individu bagi permohonan kelulusan galakan yang dikemukakan— <i>(a)</i> dalam bentuk fizikal <i>(b)</i> melalui perantara elektronik atau secara penghantaran elektronik	 200.00 bagi setiap permohonan 100.00 bagi setiap permohonan
4.	Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh penjana yang layak selain individu bagi permohonan kelulusan galakan yang dikemukakan— <i>(a)</i> dalam bentuk fizikal <i>(b)</i> melalui perantara elektronik atau secara penghantaran elektronik	 2000.00 bagi setiap permohonan 1000.00 bagi setiap permohonan
5.	Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh penjana yang layak yang merupakan seorang individu bagi suatu pindaan kepada butir-butir dalam permohonannya bagi kelulusan galakan	50.00
6.	Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh penjana yang layak selain individu bagi suatu pindaan kepada butir-butir dalam permohonannya bagi kelulusan galakan	100.00
7.	Fi pemprosesan yang kena dibayar oleh seseorang pemegang kelulusan galakan yang merupakan seorang individu bagi pindaan kepada kelulusan galakannya yang berhubungan dengan— <i>(a)</i> kad pengenalan pendaftaran nasional atau nombor passport pemegang kelulusan galakan <i>(b)</i> apa-apa butir-butir lain	 500.00 150.00